

## UPSI lancar Tabung Ihya' Ramadan sempena Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Solat Hajat



**Tanjong Malim, 8 Januari** - Pusat Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, dan Solat Hajat bagi mendoakan kesejahteraan dan keberkatan universiti, warga kampus dan negara sempena menyambut kedatangan tahun baharu 2025. Majlis yang diadakan di Masjid Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah itu

dihadiri oleh Naib Canselor UPSI, Prof.

Datuk Dr. Md Amin Md Taff, barisan Jawatankuasa Pengurusan Universiti, kakitangan universiti, pelajar serta warga kampus.

Menurut Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin

Md Taff, program ini amat penting dalam memperkuatkukuhkan ukhuwah Islamiah serta memperkuatkukuhkan nilai kebersamaan dalam kalangan warga universiti. "Kita bukan sahaja berusaha untuk cemerlang dalam akademik, tetapi juga dalam membentuk keperibadian yang berteraskan nilai-nilai Islam.

"Tahun 2025 adalah tahun yang mencabar dan penuh harapan.

Melalui majlis seperti ini, kita dapat menyatukan hati-hati seluruh warga UPSI dan masyarakat setempat untuk bersama-sama berdoa demi kejayaan dan keberkatan," katanya. Beliau turut mengajak semua pihak untuk terus komited menyokong usaha universiti dalam menerapkan nilai keislaman dan kecemerlangan akademik.

"Kita ingin menjadikan UPSI bukan sahaja sebagai pusat kecemerlangan akademik, tetapi juga pusat kegiatan yang menyuburkan nilai-nilai kerohanian dan kebajikan. "Kehadiran warga kampus dalam majlis ini membuktikan komitmen kita bersama untuk melangkah ke tahun baharu dengan penuh gemilang." Dalam majlis itu juga, beliau turut menyempurnakan Pelancaran Tabung Ihya' Ramadan 2025.

"Tabung Ihya' Ramadan ini adalah wadah untuk kita semua menyumbang kepada masyarakat, terutama kepada golongan yang memerlukan bantuan. Jelas beliau, Pelancaran Tabung Ihya' Ramadan ini bertujuan menggalakkan sumbangan daripada warga UPSI dan masyarakat setempat bagi membantu golongan memerlukan serta menyokong program-program sepanjang Ramadan seperti iftar, tarawih, dan pengagihan bantuan makanan. "Setiap sumbangan yang diberikan bukan sahaja membantu meringankan beban mereka, tetapi juga menjadi saham akhirat buat kita semua," ujar beliau. Sementara itu, Pengarah Pusat Islam UPSI, Muhammad Tarmizi Abdul Rahman berkata, Tabung Ihya' Ramadan adalah inisiatif penting untuk memastikan keperluan masyarakat yang memerlukan dapat diberi perhatian. "Tabung ini adalah wadah bagi kita semua untuk menyemai nilai ihsan dan kepedulian. Setiap sumbangan, tidak kira kecil atau besar, akan membawa makna besar dalam meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik."



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## Bahagian Komunikasi Korporat UPSI, Thaksin University Kongsi Idea Pacu Kecemerlangan Korporat

**Thailand, 9 Januari** - Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengadakan lawatan penanda aras ke Thaksin University, Thailand hari ini bagi memperkuuhubungan strategik antara kedua-dua institusi dan berkongsi amalan terbaik dalam bidang komunikasi korporat serta meningkatkan kualiti imej korporat universiti.

Lawatan yang diketuai Penerbit Rancangan BKK, Mohd. Shahran Daud bersama beberapa pegawai kanan BKK UPSI itu disambut mesra oleh Naib Presiden (Penyelidikan dan Komunikasi Korporat) Thaksin University, Prof.

Madya Dr. Thiptiva Samphanmit serta pegawai-pegawai universiti tersebut.

Sepanjang lawatan, pelbagai sesi perkongsian maklumat dan pengalaman diadakan. Antara topik utama yang dibincangkan ialah strategi menangani isu-isu semasa melibatkan universiti dan komunikasi berkesan dengan pihak berkepentingan; idea untuk meningkatkan kualiti imej korporat universiti melalui pendekatan inovatif dalam perhubungan awam dan jenama; pemanfaatan media, termasuk media sosial dan digital sebagai platform promosi universiti untuk menarik perhatian

pelajar antarabangsa dan memperkuuh reputasi global. Delegasi UPSI juga berpeluang melawat beberapa kemudahan penting di Thaksin University seperti The Thaksin Folklore Museum yang mempamerkan lebih 50,000 koleksi artifak termasuk bahan seramik, senjata dan peralatan kepercayaan agama Buddha.

Menurut Mohd Shahran, lawatan itu bukan sahaja membuka peluang untuk menimba ilmu baharu, malah menjadi platform berkongsi pandangan yang mampu memacu kecemerlangan institusi.

## Khidmat Komuniti Bersama Golongan Orang Asli dalam Program Educonnect@Kg. Air Banun

**Grik, 9 Januari** - Khidmat komuniti dalam kalangan mahasiswa sudah tidak asing lagi. Melalui kursus UPU3412 Kesukarelawanan, Fakulti Sains kemanusiaan (FSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pelajar diberi pendedahan dan peluang dalam melaksanakan program kesukarelawanan melibatkan golongan orang asli. Program Educonnect@ Kg. Air Banun telah dilaksanakan melibatkan seramai 20 orang pelajar dan melibatkan hampir

50 orang kanak-kanak orang asli. Program ini telah mendapat kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan atau Non-Governmental Organization (NGO) iaitu Pertubuhan Himpunan Lepasan Institut Pendidikan Malaysia (HALUAN).

Program ini juga dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan SULAM. Pendekatan ini dapat diamalkan oleh pelajar iaitu melaksanakan sesebuah program yang mampu memberi impak kepada sesebuah komuniti

yang difokuskan. Objektif utama program ini diadakan bagi meningkatkan lagi kemahiran pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak orang asli di samping dapat memperkuuhkan kemahiran bersosial antara masyarakat. Melalui program ini, komuniti orang asli akan didedahkan dengan pendidikan pengurusan stress dan aktiviti permainan yang mampu menarik minat golongan orang asli untuk aktif bersama masyarakat luar.



## Inovasi Digital Squat Device Merevolusi Industri Kecergasan

Melihat permasalahan yang timbul apabila melakukan pengujian dan pengukuran squat iaitu kesukaran mendapatkan bacaan bilangan squat yang tepat dengan sudut yang betul, maka tercetuslah idea penghasilan inovasi Digital Squat Device. Ia telah direalisasikan oleh sekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Dr. Siti Musliha Mat Rasid, pensyarah kanan di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama rakan pensyarah Prof. Madya Dr. Mohd Azlan Nafiah, Prof. Madya Dr. Gunathevan Elumalai dan Prof. Madya Dr. Mohd Izwan Shahril.

Digital Squat Device merupakan peranti yang diinovasi sebagai alat bantu semasa melaksanakan lakukan squat. Menggabungkan kemajuan digital

dengan lakukan squat tradisional, peranti ini menawarkan dimensi baharu kepada latihan kekuatan dan rutin senaman. Alat ini dapat mengukur sudut antara paha dan lantai semasa berdiri dan semasa membengkokkan lutut. Seterusnya, bacaan squat lengkap dengan sudut yang betul dapat direkod dengan tepat. Alat ini boleh dicas semula, berkos rendah dan didatangkan dengan saiz yang kecil.

Antara kelebihan menggunakan iaialah dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan ujian squat. Semasa melaksanakan ujian kecergasan, apabila bergantung kepada pemerhatian penguji, mereka menghadapi kesukaran dari segi ketekalan prosedur squat sehingga menjasaskan markah dan penilaian yang

direkodkan. Dengan menggunakan alat ini, bacaan squat yang betul dapat direkod dengan tepat dan konsisten. Selain itu, alat ini dapat mencegah kecederaan semasa tempoh pemulihan.

Produk ini telah didaftarkan ke dalam Daftar Hak Cipta (No. Pemberitahuan: CRLY2021E03818) daripada MyIPO dan pernah merangkul anugerah Perak di pertandingan International Invention, Innovation, and Technology Exhibition (ITEX2022) dan Malaysia Technology Expo (MTE2021). Ia sangat berpotensi untuk dikomersialkan kerana lakukan squat itu sendiri banyak dipraktikkan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan jasmani, sains sukan, kejurulatihan dan juga kesihatan



Tanjong Malim  
Mesyuarat Susulan Kolaborasi Antara UPSI dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)



Pulau Pinang  
Bengkel Pelarasan Strategi Pencapaian Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV)



Tanjong Malim  
Tingkat Keyakinan dan Kemahiran Komunikasi Melalui Bengkel Pengucapan Awam dan Pengurusan Majlis



Tanjong Malim  
Seminar Penyelidikan Praswazah Institut Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami